

Jerebu makin teruk jika tiada tindakan diambil

Oleh HISHAM IDRIS

hisham.idris@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Negara akan berhadapan dengan masalah jerebu yang berterusan pada tahap membimbangkan dalam tempoh sebulan lagi jika tiada tindakan proaktif untuk mengawal aktiviti pembakaran terbuka.

Ketua Jabatan Penyelidikan Alam Sekitar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Dr. Ku Halim Ku Hamid berkata, tempoh sebulan

itu diberikan berlandaskan kepada asas sekiranya tiada pembasahan semula jadi dari langit berlaku, negara akan mengalami cuaca panas dan kering sepanjang tempoh itu.

Ujarnya, faktor seperti populasi penduduk, aktiviti sekitar, pembakaran terbuka dan aktiviti pengilangan akan memburukkan lagi keadaan.

"Sekarang ini, cuaca kering dan panas sedang melanda negara tetapi keadaan jerebu masih terkawal," katanya ketika dihubungi semalam.

Jelasnya, negeri-negeri pantai barat dijangka mengalami jerebu lebih teruk kerana pelbagai aktiviti lebih tertumpu di kawasan itu.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mengambil langkah berkaitan pembakaran terbuka yang boleh meningkatkan jerebu.

Sementara itu, pandangan berbeza dibagikan oleh Penyelaras Pusat Kecemerlangan Forensik Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia

(UPM), Dr. Mohamad Pauzi Zakaria bahawa jerebu tidak akan melanda negara dalam masa terdekat ini.

Katanya, biarpun cuaca sekarang ini panas dan kering tetapi kelembapan udara masih normal dan pemantauan Jabatan Alam Sekitar terhadap pembakaran terbuka masih terkawal.

"Kita hendak jangka bila jerebu terjadi agak sukar disebabkan banyak faktor perlu dikaji," katanya.